



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGETAHUAN DAN KESEDARAN IBU BAPA TENTANG TASKA INSTITUSI BERDAFTAR YANG BERKUALITI DI DAERAH KINTA UTARA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SUMATHI A/P ANNAMALAI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGETAHUAN DAN KESEDARAN IBU BAPA TENTANG TASKA INSTITUSI BERDAFTAR YANG BERKUALITI DI DAERAH KINTA UTARA

SUMATHI A/P ANNAMALAI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 19/5/2021

Student' Declaration:

Saya, SUMATHI A/P ANNAMALAI, M20171000452 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PENGETAHUAN DAN KESEDARAN IBU BAPA TENTANG TASKA INSTITUSI BERDAFTAR YANG BERKUALITI DI DAERAH KINTA UTARA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya PROF DR.SUPPIAH NACHIAPPAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGETAHUAN DAN KESEDARAN IBU BAPA TENTANG TASKA INSTITUSI BERDAFTAR YANG BERKUALITI DI DAERAH KINTA UTARA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK).

19/5/2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

جامعة سلطان ابراهيم

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /

INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PENGETAHUAN DAN KESEDARAN IBU BAPA TENTANG TASKA
INSTITUSI BERDAFTAR YANG BERKUALITI DI DAERAH KINTA
UTARA

No. Matrik / Matric's No.: M20171000452

Saya / I: SUMATHI A/P ANNAMALAI

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
i. The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
ii. Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
iii. The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

PROFESOR DR. SUPPIAH NACHIAPPAN

Jabatan Pengajian Pendidikan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim, Perak
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 19/5/2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berusaha Dr. Suppiah Nachiappan selaku penyelia disertasi saya. Segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar beliau, tidak ternilai harganya. Atas kerjasama beliau saya dapat menyempurnakan tugas ini di samping memperoleh kesedaran kendiri dalam usaha meningkatkan perkembangan personaliti diri.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada:

- a) Pengusaha dan ibu bapa TASKA yang telah memberi kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan kajian ini.
- b) Saudari Shangari yang membimbing dan memotivasi serta membantu saya dari awal hingga ke akhir dalam proses penyediaan kajian ini.
- c) Puan Amy Bala yang membimbing dan memotivasi dari awal hingga ke akhir kursus ini.
- d) Saudari Nalaniamma Annamalai yang mendorong dan memotivasi saya dari awal hingga ke akhir kursus ini.
- e) Sahabat Pannirselvam Velangani yang memotivasi saya dari awal hingga ke akhir kursus ini.
- f) Semua pihak yang turut menyumbang pandangan dan memupuk semangat dalam usaha mencapai kejayaan cemerlang dalam pengajian ini.

Budi baik dan jasa bakti dihulurkan tetap dihargai dan tersemat di hati nurani sehingga akhir hayat.

Dengan ikhlas,

SUMATHI A/P ANNAMALAI

20 JANUARI 2021.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengetahuan dan kesedaran ibu bapa tentang TASKA institusi berdaftar yang berkualiti. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk Hermeneutik telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data kajian ialah temu bual berstruktur dengan protocol instrumen. Seramai sepuluh orang ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka untuk diasuh dan dididik di TASKA institusi berdaftar di daerah Kinta Utara, Perak telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Data dianalisis menggunakan kaedah hermeneutik yang berbentuk interpretasi teks temu bual yang ditranskripsi kepada metateks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa masih tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai TASKA institusi berdaftar sama ada dari aspek definisi mahupun kurikulum dan isu perlesenan. Walau bagaimanapun, ibu bapa setuju bahawa mereka sedar perkembangan anak-anak mereka selepas menghadiri TASKA amat memuaskan dengan peningkatan dalam pelakuan tingkah laku, cara berbicara, perkembangan fizikal, mahir dalam pengurusan diri dan peningkatan positif. Ibu bapa juga menghadapi cabaran dalam memilih TASKA institusi berdaftar yang mengamalkan Kurikulum Asuhan PERMATA kerana tidak mengetahui kepentingannya. Kesimpulannya, didapati ibu bapa patut mengenal pasti dan memahami punca masalah yang sering dihadapi semasa memilih TASKA institusi berdaftar berkualiti yang mengamalkan Kurikulum Asuhan PERMATA untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak. Pengetahuan dan kesedaran dapat ditingkatkan dengan memberikan pengetahuan mengenai TASKA institusi berdaftar kepada mereka secara meluas melalui pelbagai media dan kempen. Sebagai implikasi kajian, ibu bapa dapat mengetahui kepentingan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang TASKA institusi berdaftar yang berkualiti yang mengamalkan Kurikulum Asuhan PERMATA supaya pengasuhan dan perkembangan holistik kanak-kanak terjamin.





PARENTAL KNOWLEDGE AND AWARENESS ON QUALITY OF THE REGISTERED CHILDCARE INSTITUTION AT NORTH KINTA DISTRICT

ABSTRACT

This study aims to analyze the knowledge and awareness of parents about quality registered childcare (TASKA). A qualitative approach with Hermeneutic design was used in this study. The instrument protocol used to collect the study data was a structured interview. A total of ten parents who send their children to be nurtured and educated at TASKA (registered childcare institution) in the North Kinta district, Perak has participated in this study. Data were analyzed using the hermeneutic method in the form of interpretation of the interview text transcribed to metatext. The findings show that parents still do not have a perfect knowledge of the registered childcare institution either in terms of definition or licensing issues. However, parents agree that their development of their children after attending TASKA is very satisfactory with improvements in behavior, way of speaking, physical development, proficiency in self-management and positive improvement. Parents also face challenges in choosing a TASKA registered childcare institution that practices the PERMATA Curriculum because they do not know its importance. This can be overcome by providing knowledge about TASKA (registered childcare institution) to them widely through various media and campaigns. In conclusion, it is found that parents need to identify and understand the causes of problems that are often encountered when choosing a quality registered childcare institution that adopts the PERMATA Curriculum to nurture and educate children. As an implication of the study, parents can know the importance of raising awareness and knowledge about TASKA registered childcare institution widely through various media and campaigns about quality that each TASKA adopts through the PERMATA Curriculum so that the care and holistic development of children is guaranteed.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
------------------	---

BORANG PENGESAHAN DAN PENYERAHAN	iii
---	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

ISI KANDUNGAN	vii
----------------------	-----

SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	xiv
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xv
--------------------------	----

BAB 1	PENDAHULUAN	1
--------------	--------------------	---

1.1	Pengenalan	1
-----	------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	1
-----	-----------------------	---

1.3	Pernyataan Masalah	11
-----	--------------------	----

1.4	Objektif Kajian	16
-----	-----------------	----

1.5	Soalan Kajian	17
-----	---------------	----

1.6	Kepentingan Kajian	18
1.7	Batasan Kajian	22
1.8	Definisi Istilah Kajian	24
1.8.1	Kanak-Kanak 0-4 Tahun	24
1.8.2	Ibu bapa dan Pengetahuan	25
1.8.3	Kurikulum Asuhan PERMATA	26
1.8.4	TASKA (Taman Asuhan Kanak-Kanak)	27
1.8.5	Kaedah Hermeneutik	28
1.9	Rumusan	30

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832

2.2	Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan	32
2.2.1	Perkembangan Kurikulum Asuhan PERMATA (KAP)	40
2.3	Teori yang Berkaitan	43
2.3.1	Teori Bronfrenbrenner	44
2.3.2	Teori Piaget	45
2.3.3	Teori Eric Erikson	47
2.3.4	Teori Vygotsky	52
2.3.5	Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura	54

2.4	Kajian Dalam Negara Tentang TASKA Institusi Berdaftar Yang Berkualiti Demi Menjamin Perkembangan Holistik	56
2.5	Kajian Luar Negara Tentang TASKA Institusi Berdaftar Yang Berkualiti Demi Menjamin Perkembangan Holistik	62
2.6	Teori Hermeneutik	68
2.6.1	Pengaplikasian Kaedah Hermeneutik	73
2.7	Rumusan	76
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	77
3.1	Pengenalan	77
3.2	Kerangka Kajian	77
3.3	Reka Bentuk Kajian	80
3.4	Kaedah Kajian	83
3.5	Unsur-Unsur Instrumen, Validiti dan Kebolehpercayaan	85
3.5.1	Temu bual	85
3.6	Teks Sebagai Subjek Kajian	86
3.6.1	Ciri-ciri Keterbukaan Pada Teks (<i>Openness</i>)	86
3.6.2	Ciri-ciri Kekaburan Pada Teks (<i>Ontoenigma</i>)	87
3.7	Metateks	88
3.8	Persampelan	89
3.9	Prosedur Kajian	90
3.10	Etika Kajian	91



3.11 Rumusan	92
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	93
4.1 Pengenalan	93
4.2 Perbincangan Soalan Kajian	94
4.2.1 Soalan Kajian 1: Apakah pengetahuan dan persepsi ibu bapa tentang TASKA Institusi Berdaftar?	94
4.2.1.1 Perbincangan Soalan Kajian 1a	96
4.2.1.2 Perbincangan Soalan Kajian 1b	99
4.2.1.3 Perbincangan soalan kajian 1c	102
4.2.1.4 Perbincangan kajian soalan 1d	104
4.2.2 Soalan Kajian 2: Bagaimana ibu bapa mengenal pasti kesan pengasuhan di TASKA Institusi Berdaftar dalam perkembangan holistik seseorang kanak-kanak?	105
4.2.2.1 Perbincangan Soalan Kajian 2a	107
4.2.2.2 Perbincangan Soalan Kajian 2b	110
4.2.2.3 Perbincangan Soalan Kajian 2c	112
4.2.3 Soalan Kajian 3: Nyatakan kepentingan memilih TASKA Institusi Berdaftar untuk diasuh demi perkembangan holistik seseorang kanak-kanak?	113
4.2.3.1 Perbincangan Soaln Kajian 3a	115
4.2.3.2 Perbincangan Soalan Kajian 3b	118
4.2.3.3 Perbincangan Soalan Kajian 3c	122





4.2.4 Soalan Kajian 4: Apakah masalah yang sering dihadapi oleh ibu bapa semasa memilih TASKA Institusi Berdaftar yang mengamalkan Kurikulum PERMATA untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak empat tahun?	123
---	-----

4.2.4.1 Perbincangan Soalan Kajian 4a	125
---------------------------------------	-----

4.2.5 Soalan Kajian 5: Bagaimanakah dapat mengatasi masalah semasa memilih TASKA oleh ibu bapa?	127
---	-----

4.2.5.1 Perbincangan Soalan Kajian	129
------------------------------------	-----

4.3 Rumusan	129
-------------	-----

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN 130

5.1 Pengenalan	130
----------------	-----

5.2 Perbincangan	130
------------------	-----

5.3 Ringkasan Analisis Kajian	133
-------------------------------	-----

5.4 Cadangan dan Penambahbaikan	136
---------------------------------	-----

5.4.1 Peranan Ibu Bapa dalam Penambahbaikan Pengetahuan dan Kesedaran Tentang Pemilihan TASKA Institusi Berdaftar yang berkualiti	137
---	-----

5.4.2 Peranan Pihak TASKA Institusi Berdaftar Yang Berkualiti dalam Penambahbaikan Untuk Meningkatkan Pengetahuan dan Kesedaran Ibu Bapa	138
--	-----

5.4.3 Peranan Pendidik dalam Penambahbaikan Pengetahuan Dan Kesedaran Ibu Bapa Tentang Perkembangan Holistik Kanak-Kanak Di TASKA Institusi Berdaftar Yang Berkualiti	138
---	-----

5.4.4 Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia Dalam Penambahbaikan Peningkatan Pengetahuan	
--	--





Dan Kesedaran Ibu Bapa Tentang TASKA Institusi
Berdaftar Yang Berkualiti 139

5.5 Cadangan Bagi Kajian Lanjutan 140

5.6 Rumusan 141

RUJUKAN 142

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Interpretasi Soalan Kajian 1(a)	94
4.2	Interpretasi Soalan Kajian 1(b)	97
4.3	Interpretasi Soalan Kajian 1c	100
4.4	Interpretasi soalan kajian 1d	103
4.5	Interpretasi Soalan kajian 2a	105
4.6	Interpretasi Soalan Kajian 2b	108
4.7	Interpretasi Soalan Kajian 2c	111
4.8	Interpretasi Soalan Kajian 3a	113
4.9	Interpretasi Soalan Kajian 3b	116
4.10	Interpretasi Soalan Kajian 3c	119
4.11	Interpretasi Soalan Kajian 4a	123
4.12	Interpretasi Soalan Kajian 5a	127

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual	29
3.1	Kerangka Kajian (Suppiah, 2003) (Diadaptasikan)	80
3.2	Proses Ontopretasi (Suppiah, 2003)	87
3.3	Proses Ontoenigma (Suppiah, 2003)	88
3.4	Prosedur Kajian	90





SENARAI SINGKATAN

TASKA Taman Asuhan Kanak-Kanak

TADIKA Taman Didikan Kanak-Kanak

TABIKA Taman Bimbingan Kanak-Kanak

PASTI Pusat Asuhan Tunas Islam

CRC *Convention on The Right of The Child*



NAEYC *The Nasional Association For The Education of Young Children*

ECE *Early Childhood Education*

JKM Jabatan Kebajikan Masyarakat

KAAK Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak

KAP Kurikulum Asuhan PERMATA

UNESCO *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*

KPWKM Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

ECCE *Early Childhood Care and Education*

UNICEF *United Nations International Children's Education Fund*





PKR	Program Kesejahteraan Rakyat
PPTR	Program Pembangunan Rakyat Termiskin
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAPN	Pusat Anak PERMATA Negara
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
ROS	<i>Registrar of society</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SOP	<i>Standard Operational Procedure</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

SENARAI LAMPIRAN

A Soalan Temu Bual Ibu Bapa



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Bab ini membincangkan tentang subtopik, iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah kajian, kerangka konseptual dan akhir sekali rumusan bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kanak-kanak dikategorikan sebagai tidak bernilai dan harus dijaga sebaik mungkin agar menjadi individu yang berguna dan membentuk sebagai aset negara pada masa depan. Seorang anak yang dilahirkan oleh sepasangan suami isteri merupakan tanggungjawab yang sangat penting dan harus dipikul dengan penuh amanah agar mampu melahirkan





generasi yang berguna dan cemerlang di dunia ini. Pada Zaman kanak-kanak era moden ini adalah amat berbeza dengan zaman dahulu. Pada zaman dahulu, kanak-kanak semuanya membesar di depan mata ibu bapa walaupun mereka berkerja. Tetapi, sekarang keadaan tersebut telah berubah dan jauh berbeza pada zaman sekarang. Ibu bapa yang sibuk dengan aktiviti harian menghantar kanak-kanak ke TASKA Institusi Berdaftar yang berkualiti dan Pusat Jagaan kanak-kanak. Maka wujudnya belbagai cabaran baharu kepada ibu bapa dalam membesar, mengasuh dan mendidik anak-anak mereka pada zaman serba moden dan berteknologi ini.

Maka, para ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik anak-anaknya. Di peringkat awal perkembangan kanak-kanak, mereka mudah diluntur kerana hati mereka masih suci, bersih dan mudah dibentuk mengikut kehendak ibu bapa dan orang dewasa. Justeru, perkara ini adalah amat penting bagi ibu bapa untuk menjalankan proses perkembangan yang menjamin pendidikan dan proses pengajaran serta pembelajaran semenjak kanak-kanak lebih muda lagi. Maka, Ibu bapa yang sibuk bekerja tiada halangan untuk mengasuh dan mendidik anak-anak mereka menjadi seorang yang berpendidikan. Suasana persekitaran adalah satu elemen yang penting dalam proses pembesaran dan perkembangan kanak-kanak, dan tidak kurang pentingnya dalam proses peningkatan dari segi pendidikan mereka. Jika kanak-kanak menhadapai keadaan seperti penderaan atau pendedahan kepada suasana hidup yang tidak sihat, ini akan mengakibatkan kanak-kanak tidak mempunyai asas pemikiran yang stabil dan perkembangan yang kukuh.

Justeru, pemilihan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) adalah perkara yang amat penting kepada seseorang kanak-kanak dalam proses memastikan persekitaran





kondusif yang pertama sebelum mereka menjelak kaki di alam persekolahan yang sebenar yang menjamin masa depan. Sesungguhnya pendidikan awal kanak-kanak di neagara kita Malaysia telah berkembang dengan pesat. Terdapat banyak Institusi-institusi dalam bidang ini saling bersaing membina modul-modul yang sesuai dan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak dengan mengambil kira antara acuan barat, acuan Islam atau acuan pendidikan secara bersepadan sebagainya. Antara kategori institusi yang dirujuk untuk bentuk pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia ialah Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA), Taman Bimbingan Kanak-kanak atau Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) (*Kindergarten*), Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA), Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan sebagainya.

Selain itu, pendidik yang kurang kemahiran pengasuhan akan menimbul pelbagai situasi seperti keperluan seseorang kanak-kanak dari segi perkembangan holistik diabaikan. Tambahan pula, pelbagai kecuaian yang menyebabkan kemalangan dan kematian kepada kanak-kanak seperti mana berlaku baru-baru di Putra Jaya pada tahun 2018. Manakala, Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) yang berdaftar dibawa JKM dan standard kualiti TASKA Institusi Berdaftar juga turut memberi kesan terhadap aspek-aspek perkembangan holistik seseorang kanak-kanak. Bagi tempat pengasuhan kanak-kanak atau lebih dikenali sebagai tempat pendidikan awal kanak-kanak menggunakan Kurikulum Asuhan PERMATA. Menurut Kurikulum Asuhan PERMATA yang dirangka dan diamalkan di Malaysia ini, mengandungi enam elemen perkembangan iaitu 1) Sahsiah, Sosio-Emosi dan Kerohanian, 2) Bahasa, komunikasi dan literasi, 3) Matematik dan Pemikiran Logik, 4) Deria dan Pemahaman Dunia Persekutaran, 5) Fizikal dan 6) Kreativi dan Estetika.





Maka, kanak-kanak merupakan Komponen utama dalam kalangan masyarakat sesebuah negara. Kanak-kanak merupakan aset negara yang digelar sebagai penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan. Pada tahun 2008, seramai 10.5 juta (37.9%) orang kanak-kanak adalah sebahagian daripada 27.7 juta penduduk Malaysia (Portal Pusat Maklumat Rakyat (Portal PMR). Sehubungan ini, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau digelar sebagai “*Convention on the Rights of the Child*” (CRC) pada 17 Februari 1995 telah diratifikasi di Malaysia. Konvensyen ini diratifikasi untuk memberi perhatian sepenuhnya terhadap elemen kebajikan dan kehidupan kanak-kanak yang menjurus kepada aspek penting seperti kelangsungan hidup (*survival*), perlindungan (*protection*), perkembangan (*development*) dan penyertaan (*participation*).

Selars dengan itu, sebagai sebuah negara yang dikenal sebagai (*State Party*) kepada UNCRC (*United Nations Convention on the Rights of the Child*), Malaysia amat mementingkan dan prihatin serta amat komit terhadap tanggungjawab untuk memastikan keselamatan yang berstandart, perkembangan holistik dan kesejahteraan setiap kanak-kanak yang menjadi generasi pewaris negara nanti. Dalam pernyataan Wawasan 2020 kini, institusi sebuah keluarga dan kanak-kanak merupakan salah satu fokus khusus yang diberi keutamaan dalam usaha negara mencapai status negara maju di samping melahirkan masyarakat yang sempurana saksama, bersahsiah dan penyayang.

Istilah peringkat kanak-kanak sejak awal pula didefinisikan sebagai tempoh masa kanak-kanak membesar dan mengembang dari lahir hingga ke umur lapan tahun. Mengikut *THE NATIONAL ASSOCIATION FOR THE EDUCATION OF YOUNG CHILDREN* (*NAEYC*, 2011) atau pertubuhan kebangsaan ini mementingkan perkembangan dan



pendidikan kanak-kanak muda, Pendidikan Awal Kanak-Kanak (*Early Childhood Education*) merujuk kepada segala program dan aktiviti pendidikan atau asuhan yang harus memberi layanan, asuhan dan bimbingan kepada kanak-kanak sejak lahir hingga ke umur lapan tahun. Di Malaysia pula pendidikan awal kanak-kanak yang disediakan merujuk kepada program-program seperti untuk kanak-kanak berumur sejak lahir hingga 4 tahun adalah program TASKA dan umur 4+ hingga 6 adalah prasekolah dan 7 tahun dan 8 tahun di sekolah rendah tahap pertama termasuk pusat jagaan. Program-program seperti ini dikendalikan oleh pelbagai institusi dan agensi pendidikan yang telah diiktirafkan oleh agensi kerajaan.

Menurut takrifan Morrison (2011), program Pendidikan Awal Kanak-Kanak adalah program yang menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak dari sejak lahir hingga ke usia lapan tahun sama ada program separuh masa atau sepenuh masa di Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA Institusi Berdaftar), TADIKA, Pra sekolah atau sekolah rendah. Pada masa kini belbagai elemen-elemen diberi penekanan seperti kepelbagaiannya antara kanak-kanak, amalan yang bersesuaian perkembangan, pemerhatian dan intervensi awal untuk kanak-kanak yang berkeperluan khas di samping memenuhi keperluan standard pencapaian seperti yang ditetapkan oleh (NAEYC). Dengan ini, orang yang paling hampir yang diketogorikan sebagai ibu bapa, ahli keluarga dan pendidik dari TASKA Institusi Berdaftar serta Pusat-pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak adalah orang-orang yang bertanggungjawab dalam mencorakkan kehidupan anak-anak dengan memberikan pendedahan, pendidikan dan elemen perkembangan yang sempurna dan yang sepatutnya. Seperti mana yang dituji oleh Imam-al Ghazali (2007) yang menyatakan bahawa kanak-kanak merupakan amanah tuhan yang dikurniakan oleh maha berkuasa kepada ibu bapa



dan pendidik. Mereka adalah tanggungjawab ibu bapa atau pendidik yang amat besar dan mereka harus dilaksanakannya dengan sebaik boleh.

Pada zaman sekarang, para ibu bapa sudi menghantar anak-anaknya ke Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) atau Pusat Jagaan diseabakan oleh kesedaran terhadap kepentingan pengasuhan, perkembangan holistik dan pendidikan awal kanak-kanak dari awal usia lagi dengan peningkatan kadar golongan wanita yang bekerja. Dengan ini, ibu bapa yang bekerjaya mempercayai dan memberi tanggungjawab yang sepenuhnya untuk menjaga keselamatan, mengasuh dengan meneliti, berkembangan holistik dan memberi tanggungjawab sepenuhnya untuk menentukan pendidikan awal kanak-kanak di pusat-pusat asuhan dan didikan seperti TASKA Institusi Berdaftar.



Dalam pendidikan awal kanak-kanak (*ECE*) pengasuhan menjadi topik utama sedunia permintaan untuk pengasuhan kanak-kanak di luar rumah meningkat selama bertahun-tahun. Pendaftaran kanak-kanak dalam pengasuhan kanak-kanak dalam program *ECE* meningkat 55% pada tahun 2007 dan 61% pada tahun 2012 (Ishak, 2017). Justeru, warga ibu bapa yang bekerjaya terpaksa bersedia untuk menghantar anak-anak mereka ke TamanzAsuhan Kanak-Kanak (TASKA Institusi Berdaftar). Menurut myMetro pada 24hb Julai 2018, YAB Dato' Seri Dr.Wan Azizah Wan Ismail selaku Timbalan Perdana Menteri Malaysia juga mengulas bahawa, jabatannya mengadakan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat negara dan ibu bapa yang bekerjaya tentang kepentingan dan kelebihan menghantar anak-anaknya ke TASKA Institusi Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) selanjutnya mewujudkan jawatankuasa bagi membolehkan satu piawaian kompetensi untuk diguna pakai oleh pendidik kanak-kanak





yang merangkumi aspek keselamatan dan kemahiran asas yang diperlukan oleh seorang pendidik.

Menurut keratan akhbar yang sama, keselamatan, latihan dan kemahiran adalah elemen asas yang perlu dipastikan oleh seseorang pendidik untuk memastikan seorang kanak-kanak perkembang secara holistik sebab pengasuhan dan pendidik diibaratkan sebagai ibu ganti kepada kanak-kanak yang diasuh dan pengasuhan mereka memberi kesan yang amat mendalam pada perkembangannya. Ibu bapa memerlukan perkhidmatan pengasuhan oleh pendidik yang terlatih yang dapat menolong mereka dalam proses mengimbangi antara kerjaya dan rumahtangga mereka (Feierabend & Staffelbach, 2016).

Seterusnya, persekitaran kanak-kanak diasuh dan dididik adalah elemen asas dan tunjang utama yang membantu dalam aspek keselamatan, kesihatan dan perkembangan kanak-kanak (*Federal Interagency Forum on Child and Family Statistics, 2013*). Kajian Rusmailani (2014) menerangkan kepentingan untuk mengetahui siapakah yang memberi asuhan kepada anak-anak kita, adakah mereka seorang pendidik yang terlatih dan mempunyai kelayakan sebagai pendidik kanak-kanak akan mementingkan perkembangan menyeluruh (holistik) dalam kalangan kanak-kanak. Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) yang berdaftar dan yang mementingkan kualiti akan memberi kesan terhadap aspek perkembangan holistik bukan hanya di peringkat awal kanak-kanak, malah di peringkat seterusnya dalam jangkamasa yang panjang terutama dalam meningkatkan aspek kemahiran kognitif dan tingkah laku (Vandell et al., 2016).



Pada abad ke-21, kini ramai ibu bapa yang sangat menitikberatkan kualiti pengasuhan dan kurikulum yang digunakan untuk aktiviti yang dilakukan di Pusat Asuhan (TASKA) dengan menghantar anak ke TASKA yang berdaftar. Bagi TASKA Institusi Berdaftar yang telah berdaftar dibawa JKM, pegawai pelindungan kanak-kanak dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan sentiasa memantau dan melakukan pemeriksaan di atas TASKA Institusi Berdaftar tersebut secara berkala sepetimana yang termaktub di dalam Akta dan Peratauran Taman Asuhan Kanak-kanak (1984), juga berkolaborasi dengan agensi teknikal seperti bomba, kesihatan atau perancangan bandar.

Walaupun, negara-negara maju telah banyak melakukan kajian berhubung dengan pengasuhan, pendidikan serta perkembangan holistik dan keselamatan dan akibat pengabaian dalam pengasuhan dan kepentingan persekitaran yang sepatutnya disediakan bagi kanak-kanak. Namun begitu di Malaysia, masih kurang kajian yang boleh meneroka secara mendalam tentang perkembangan holistik disebabkan oleh pengasuhan yang diamalkan di TASKA Institusi yang memberi stimulasi yang menggalakkan perkembangan holistik dan selamat serta ditambahkan dengan pendidik yang menggamalkan kurikulum yang memastikan perkembangan holistik. Sehubungan dengan perkara diatas, kajian ini merupakan sebuah kajian yang bebentuk eksploratori dan berbincangan untuk mengetahui pengaruh, persepsi, pengetahuan dan kefahaman ibu bapa tentang perkembangan holistik bagi kanak-kanak menghadiri sebuah TASKA Institusi yang telah berdaftar di bawah JKM dan mengamalkan Kurikulum Asuhan PERMATA.

Pada tahun 2007, PERMATA Negara telah mula memperkenalkan dan pengimplikasian Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak daripada peringkat

bayi sehingga kanak-kanak yang berumur 4 tahun dengan memfokuskan kepada perkembangan holistik dan intervensi awal kanak-kanak untuk menyediakan standard pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak dari peringkat awal bayi sehingga kanak-kanak yang berumur 4 tahun. Menurut bahagian PERMATA, falsafah penubuhan Pusat PERMATA Negara adalah bertujuan untuk mengembangkan potensi kanak-kanak secara holistik demi melahirkan “Modal Insan Negara” yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani, sosial dan komunikasi.

Walau bagaimanapun, Kurikulum PERMATA menekankan elemen pengasuhan adalah elemen penting dalam kehidupan seseorang individu kanak-kanak tetapi tidak ada kajian-kajian yang lepas dengan pendapat yang kukuh tentang pengasuhan dan perkembangan holistik dalam kalangan kanak-kanak yang berumur dibawah 4 tahun di negara ini. Maka, setiap TASKA Institusi Berdaftar mengaplikasikan kurikulum yang bersepadu dalam pelaksanaan program perkembangan dan pendidikan awal kanak-kanak. Dengan ini, TASKA Institusi Berdaftar menyediakan suasana dan persekitaran yang berasaskan “belajar melalui bermain” (*learn through play*) untuk merangsangkan perkembangan holistik kanak-kanak. TASKA Institusi berdaftar peroperasi dengan tujuan untuk mengalakkan perkembangan dan didikan kanak-kanak dengan asuhan agar mereka mampu untuk berinteraksi, bersosial dan mengurus diri di awal usia kanak-kanak.

Dengan ini, TASKA Institusi Berdaftar juga harus melahirkan seorang kanak-kanak yang mempunyai sahsiah mulia kearah membina generasi yang sempurna, cemerlang di masa hadapan selaras dengan berobjektif pembentukkan “Modal Insan Negara”. Selain dari itu, pakar psikologi dan perkembangan kanak-kanak menyatakan bahawa sebahagian

besar dari perkembangan intelektual seseorang kanak-kanak berlaku dari usia 0 hingga 4 tahun. Justeru, boleh diinterpretasikan bahawa peningkatan kualiti pendedahan pengasuhan dan pendidikan awal seseorang kanak-kanak adalah peringkat asas kepada keseluruhan perkembangan holistiknya.

Sebelum adanya sebuah kurikulum kebangsaan umum yang dimurnikan untuk menginterasikan Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak dibawa umur 4 tahun di Malaysia, Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) adalah sebuah kursus yang diwajibkan kepada semua pengusaha dan pendidik TASKA Institusi Berdaftar untuk didaftarkan di bawah Akta Asuhan Kanak-Kanak (Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak, 1984). Pembangunan sebuah kurikulum yang komprehensif bagi meningkatkan perkembangan awal kanak-kanak secara menyeluruh adalah aspek yang amat penting dan dapat meneruskan kesinambungan dalam pedagogi pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang merangkumi umur dari lahir sehingga tamat alam persekolahan pada masa yang akan datang. Seterusnya, Kurikulum PERMATA telah pun menggubal kurikulumnya tersendiri serta dinilai melalui ujian kajian pemakaianya dalam kalangan kanak-kanak pusat-pusat PERMATA (Bahagian PERMATA, 2013).

Maka, hasil pemurnian dan pembangunan kurikulum kebangsaan untuk perkembangan awal kanak-kanak secara holistik meliputi pendidikan, pengasuhan, nutrisi dan kesihatan. Kurikulum Asuhan PERMATA juga telah dipersetujui dan diiktiraf sebagai garis panduan Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (PERMATA Negara, 2009). Juga dikenali sebagai Kursus (Kurikulum Asuhan PERMATA) yang dijalankan untuk melatih pendidik di seluruh negara seperti yang

diwajibkan dalam Akta Taman Asuhan. Sehingga kini, semua Pusat Asuhan (TASKA Insitusi Berdaftar) di seluruh negara mendapat manfaat daripada program KAP (Kurikulum Asuhan PERMATA) yang telah berdaftar dengan JKM.

Pada masa yang sama, program KAP (Kurikulum Asuhan PERMATA) juga mengalakkan penglibatan ibu bapa secara aktif dalam pelbagai aktiviti yang drancangkan di TASKA Institusi Berdaftar. Hasil dari penglibatan ibu bapa di TASKA Institusi Berdaftar tersebut, secara tidak langsung ibu bapa dapat berfaedah dan memahami proses pembelajaran dan perkembangan holistik anak-anak mereka. Pengasuhan kanak-kanak yang berkualiti boleh memberi peluang untuk mengurus diri dan hidup berdikari kepada setiap kanak-kanak secara positif jika mengalami zaman kanak-kanak yang sihat, selamat dan aman dan pada masa yang sama mendapat sokongan pembangunan kemahiran peribadi dan mendorong aktiviti sosialnya. Hasil dan pencapaian semasa dewasa berkait rapat dengan perkembangan holistik yang dialami oleh seorang kanak-kanak.

1.3 Pernyataan Masalah

Di negara Malaysia, TASKA Institusi Berdaftar merupakan institusi yang berkualiti untuk menyediakan perkhidmatan pengasuhan, penjagaan, bimbingan dan pendidikan awal kanak-kanak antara 0-4 tahun. TASKA Institusi Berdaftar semakin bertambah dengan begitu pesatnya apabila ramai kaum wanita menceburkan diri dalam dunia pekerjaan di sektor awam dan swasta untuk menampung berbelanjaan yang semakin meningkat. Bagi kedua-dua ibu bapa yang bekerja tiada pilihan selain menghantar anak-anak kecil mereka



ke TASKA Institusi Berdaftar dengan harapan anak-anak mereka diasuh, dijaga dan dididik dengan baik. Mengikut Akta 308 undang-undang Malaysia, TASKA Institusi Berdaftar ini boleh diusahakan oleh sesiapa sahaja samaada badan-badan tertentu secara persendirian (Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak, 1984).

Menurut Akta yang samac juga setiap TASKA Institusi Berdaftar yang ditubuhkan hendaklah didaftarkan di bawah JKMM. Pihak JKMM juga memerlukan plan binaan untuk memastikan institusi yang ditubuhkan itu menyediakan kemudahan asas dan keperluan keselamatan. Pengkaji telah meneliti kandungan kurikulum tersebut terutamanya segala pembelajaran dan perkembangan yang menentukan perkembangan holistik (Bahagian PERMATA, 2013). Sehubungan dengan perkara di atas, Kurikulum Asuhan PERMATA bermatlamat untuk memfokuskan Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal yang bersepada untuk kanak-kanak berumur di bawah 4 tahun. Kanak-kanak diberi peluang melalui Kurikulum Asuhan PERMATA untuk mendapat pengalaman pengasuhan dan pembelajaran awal yang berkualiti tinggi dan seterusnya melahirkan Modal Insan yang cemerlang. Kurikulum Asuhan PERMATA menekankan 6 domain yang terpenting dalam memastikan perkembangan holistik kanak-kanak iaitu, 1) sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian; 2) bahasa, komunikasi dan literasi; 3) matematik dan pemikiran logik; 4) deria dan pemahaman dunia persekitaran; 5) fizikal; dan 6) kreativiti dan estetika (PERMATA, 2007-2012).

Justeru, ibu bapa perlu ada kesedaran tentang kerangka Kurikulum Asuhan PERMATA dibina demi menjadikan panduan utama kepada pengusaha dan pendidik untuk memastikan kualiti perkhidmatan dan perkembangan holistik kanak-kanak empat tahun di





TASKA Institusi Berdaftar dengan lebih menyeluruh dan terperinci. Ini kerana kerangka KURIKULUM ASUHAN PERMATA mengadungi komponen yang lebih lengkap dan spesifik untuk kanak-kanak TASKA yang berumur empat tahun di Malaysia sebagai penyediaan untuk pendidikan formal seperti TADIKA. Perkembangan holistik yang dialami oleh kanak-kanak di TASKA Institusi Berdaftar yang berkualiti dalam tempoh dari kelahiran hingga 4 tahun dinamakan “di peringkat antarabangsa” (UNESCO, 2017), merupakan peramal yang sudah didokumentasi dengan baik dalam perkembangan seterusnya.

Setelah lahir, bayi mula menumpukan perhatian terhadap suara dan corak ayat yang disebut untuk memahami apa yang di sebut atau didengar. Kanak-kanak mula membelaar mengenai konsep-konsep yang lebih rumit seperti kasih sayang, kepercayaan, konsep dan sebab dan akibat. Dengan kefahaman perkembangan kanak-kanak pada abad ini, agak berbeza dengan kanak-kanak zaman 90-an atau 80-an dahulu. Pada zaman dahulu kanak-kanak dibesarkan oleh ibu bapa atau ahli keluarga seperti datuk nenek, ibu saudara tetapi kini situasi amat berbeza kanak-kanak harus dihantar ke Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA Institusi Berdaftar) lantaran ibu bapa yang seharian sibuk berkerja. Sejurus itu ibu bapa perlu tahu apakah kepentingan pengasuhan yang mementingkan perkembangan holistik demi bersediaan anak mereka ke alam bersekolahan.

Walaupun ibu bapa tahu kepentingan TASKA Institusi Berdaftar yang berkualiti tetapi masih memilih jagaan rumah sepertimana kes seorang babi bernama Adam Rayqal, ditemui mati dalam “*freezer*” di rumah pengasuhnya yang tidak mengikuti sebarang kursus untuk mengetahui tentang berkembagan kanak-kanak (Utusan, 2019). Ramai yang





tertanya-tanya kenapa ibu bapa memilih dan menghantar anak-anak ke rumah untuk dijaga bukan ke TASKA (TASKA Institusi Berdaftar). Malah, ada yang mengkritik bahawa, ibu bapa ini lebih mementingkan untuk mengejar kos sara hidup harian daripada menjaga anak sendiri. Pada hal dengan kos kehidupan setiap individu di dunia ini yang semakin meningkat, bukan semua keluarga yang mampu untuk memanfaatkan keluarga hanya daripada satu sumber pendapatan sahaja. Maka, ibu sebagai salah seorang yang memikul tanggungjawab terpaksa berkorban tenaga dan masa untuk bekerja bukan semata-mata untuk bekerja kerana sudah banyak belajar dan mendapat ijazah tetapi demi keselesaan sekeluarga terutama sekali dalam keadaan ekonomi yang sangat mencungkil genggam bara api seseorang keluarga serta individu ini.

Demi anak-anak yang dikatakan asset negara ibu bapa perlu tahu kepentingan memilih TASKA Institusi Berdaftar yang berkualiti dan mementingkan perkembangan holistik sebagai elemen utama dalam membangunkan modal insan yang berkebolehan. Ramai ibu bapa rela menggunakan jalan singkat dan cepat dengan menghantar anak-anak mereka ke penjaga di rumah atau dipanggil TASKA Rumah yang tidak berkualiti dan tiada terlatih serta tidak berdaftar dengan JKMM atau ke rumah jiran untuk dijaga. Kajian-kajian yang lepas juga menyarankan bahawa elemen kualiti tempat asuhan merupakan perkara yang terpenting bagi sesebuah TASKA Institusi Berdaftar yang mengasuh kanak-kanak merupakan tempat untuk menentukan perkembangan holistik kanak-kanak (Burchinal, 2011; Tsao, 2015).

Antara piawaian kualiti TASKA Institusi Berdaftar (Taman Asuhan Kanak-Kanak) telah dipersetujui di peringkat kebangsaandan universal untuk menerima elemen



keselamatan mengikut standard operasi, pemakanan seimbang, kurikulum yang diiktiraf, penguatkuasaan mengikut Akta dan Peraturan, pendidik yang terlatih, pengasuhan yang sihat, komunikasi yang efektif dan kesihatan (Bechtold, 2011). Umpama pepatah Melayu “kalau hendak melentur buluh, biarlah dari rebungnya”, yang menyatakan perlaksanaan Kurikulum Asuhan PERMATA adalah berdasarkan dengan objektif Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan 2008, iaitu demi memastikan perkembangan holistik bagi semua kanak-kanak dan sebagai langkah untuk menangani dan mengatasi masalah sosial dalam kalangan remaja dan belia dari awl lagi (Barnett, 2008).

Selain dari itu, kelayakan pendidik, pemakanan, yuran TASKA Institusi Berdaftar, persekitaran yang kondusif dan peralatan yang mencukui dan yang bersesuaian juga penting dalam perkembangan holistik kanak-kanak dan menjamin perkembangan optimum (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2010). Aspek pematuhan Akta dan Peraturan untuk pengoperasian TASKA Institusi Berdaftar amat penting demi menentukkan perkembangan holistik dan keselamatan setiap kanak-kanak terjamin. Sepertimana dicadangkan oleh YB Dato’ Seri Rohani Abdul Karim (2016), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat menitikberatkan tentang isu-isu keselamatan kanak-kanak dan juga digalakkan untuk menghantar ke TASKA Institusi yang berdaftar sahaja. Kementerian menujukkan komitmen penuh untuk memastikan TASKA Institusi Berdaftar mematuhi “*International Best Practice*” melalui prosedur operasi standard yang disarankan demi memastikan berkembangan holistik digalakkan dalam kalangan kanak-kanak yang diasuh di TASKA Institusi Berdaftar.



Maka, Taman Asuhan kanak-kanak (TASKA Institusi Berdaftar) merupakan satu fasa pendedahan awal yang amat penting dalam alam persekolahan setiap kanak-kanak. Menyedari kemaslahatan itu, kajian ini dijalankan terhadap untuk mengenal pasti pengetahuan dan persepsi ibu bapa dari sebuah TASKA Institusi Berdaftar yang mengamalkan Kurikulum Asuhan PERMATA dalam melaksanakan program pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan Kurikulum Asuhan PERMATA terhadap perkembangan holistik kanak-kanak di TASKA Institusi Berdaftar yang patut disedari dan diketahui oleh ibu bapa.

1.4 Objektif Kajian



Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenalpasti tentang tahap pengetahuan dan kesedaran ibu bapa tentang perkembangan holistik yang patut dialami oleh kanak-kanak berumur 4 tahun di TASKA Institusi Berdaftar di Daerah Kinta Utara. Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:-

- i) Mengenal pasti pengetahuan dan persepsi ibu bapa tentang TASKA Institusi Berdaftar.
- ii) Mengenal pasti kesan pengasuhan di TASKA Institusi berdaftar dalam perkembangan holistik seseorang kanak-kanak oleh ibu bapa.
- iii) Mengenal pasti kepentingan memilih TASKA Institusi Berdaftar untuk diasuh demi perkembangan holistik seseorang kanak-kanak.



- iv) Mengenal pasti masalah yang sering dihadapi oleh ibu bapa semasa memilih TASKA Institusi Berdaftar yang mengamalkan Kurikulum Asuhan PERMATA untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak empat tahun.
- v) Mengenal pasti cara-cara mengatasi masalah semasa memilih TASKA Institusi Berdaftar oleh ibu bapa.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan respon mengikut kefahaman soalan-soalan berikut:

- i) Apakah pengetahuan dan persepsi ibu bapa tentang TASKA Institusi Berdaftar?
- ii) Bagaimana ibu bapa mengenal pasti kesan pengasuhan di TASKA Institusi berdaftar dalam perkembangan holistik seseorang kanak-kanak?
- iii) Nyatakan kepentingan memilih TASKA Institusi Berdaftar untuk diasuh demi perkembangan holistik seseorang kanak-kanak?
- iv) Apakah masalah yang sering dihadapi oleh ibu bapa semasa memilih TASKA Institusi Berdaftar yang mengamalkan Kurikulum PERMATA untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak empat tahun?
- v) Bagaimanakah dapat mengatasi masalah semasa memilih TASKA Institusi Berdaftar oleh ibu bapa?

1.6 Kepentingan Kajian

Pada tahun 2014, terdapat kira-kira 30 juta orang di Malaysia. sebelum itu, lebih daripada 9.5 juta kanak-kanak adalah di bawah umur 18 tahun mengikut banci tahu 2010 Terdapat kira-kira 2.5 juta kanak-kanak yang berumur empat tahun dan seramai 2.5 juta lagi adalah kanak-kanak berumur antara lima hingga sembilan tahun. Angka-angka ini menunjukkan bahawa lebih daripada satu perempat daripada kanak-kanak di Malaysia adalah kanak-kanak berumur di bawah empat tahun dan sering dijaga oleh penjaga selain daripada ibu bapa mereka (Foong, Veloo & Dhamotharan, 2014).

Adakah kanak-kanak yang diasuh di Pusat-Pusat Asuhan (TASKA Institusi Berdaftar) menerima penjagaan dan pengasuhan awal kanak-kanak yang berkualiti? Adakah ibu bapa faham tentang struktur untuk menyokongnya? Sasaran kerajaan untuk menggalakkan kanak-kanak diasuh di TASKA Institusi Berdaftar sebanyak 97% menjelang tahun 2020 akan sangat merosot jika dasar negara seperti yang dirancang untuk meningkatkan kelayakan pendidik dan meningkatkan kualiti *Early Childhood Care and Education* (ECCE) kepada anak-anak kecil tidak selari untuk mencapai sasaran ini. Contohnya, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015), dengan adanya Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan Rangka Tindakan Pendidikan Malaysia sepatutnya diselaraskan untuk mencapai agenda penting ini (Foong, Veloo & Dhamotharan, 2014). Agenda ini adalah sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan tetapi ada masalah akses kepada kualiti perkhidmatan ECCE dalam pembahagian bandar/luar bandar, kumpulan sosio-ekonomi yang berbeza, dan kawasan geografi yang berbeza di negara ini.

Pakar-pakar ECCE di Malaysia dan di bahagian lain di dunia sedang menjalani perubahan falsafah sebagai tindak balas kepada perubahan saintifik yang telah terkumpul selama 202 tahun yang lalu. Kajian-kajian dalam bidang ini telah membuktikan bahawa perbezaan dalam hasil kehidupan orang dewasa dapat dijelaskan sebahagian oleh pengalaman zaman kanak-kanak yang memberi kesan kepada perkembangan otak (Kilburn & Karoly, 2008). Kajian perkembangan otak memberitahu pendidik dan ibu bapa tentang bagaimana kanak-kanak belajar dengan lebih baik, dan hubungan antara persekitaran pembelajaran dan pengasuhan dengan perubahan neurobiologi di dalam otak anak.

Pendidik ECCE kini dijangka memberikan bukan sahaja perkhidmatan untuk memantapkan pemikiran kanak-kanak tetapi juga perkhidmatan pengasuhan oleh TASKA Institusi Berdaftar yang berkualiti untuk meningkatkan perkembangan keseluruhan (holistik) kanak-kanak. Tenaga kerja ECCE di Malaysia merangkumi semua kakitangan yang bekerja di setiap pusat penjagaan kanak-kanak, Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA/Pusat Penjagaan Kanak-kanak) adalah untuk kanak-kanak dari lahir hingga empat tahun. Ini melibatkan kira-kira 55,000 orang kakitangan ECCE yang berkerja dengan kira-kira setengah juta kanak-kanak di negara ini.

Kajian ini adalah untuk meninjau sejauh manakah tahap pengetahuan ibu bapa tentang aspek pemilihan TASKA Institusi Berdaftar yang berkualiti demi pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak serta aspek pengaruh perkembangan holistik yang merangkumi perkembangan fizikal, bahasa, sosio emosi dan kognitif. Dengan mengenal dan mengetahui masalah-masalah yang dihadapai untuk mencari TASKA Institusi Berdaftar yang berkualiti, selamat diantar dan memastikan keperkesanan pengasuhan yang boleh

menggalakkan perkembangan holistik. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti dan mengetahui cara mengatasi masalah-masalah yang sering dihadapi oleh para ibu bapa yang memilih TASKA Institusi Berdaftar yang berkualiti untuk mengasuh dan mendidik anak-anaknya.

Selain itu, kajian yang akan dilakukan juga akan membantu untuk mengetahui sejauh manakah pengetahuan ibu bapa tentang kepentingan persekitaran di tempat asuhan, ciri-ciri dan keselamatan kerana pendidik atau pihak pengusaha telah diamanahkan untuk menjaga keselamatan dan perkembangan holistik kanak-kanak ketika di TASKA Institusi Berdaftar. Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dengan jagaan selamat, pemeliharaan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial menikut objektif dasar kanak-kanak negara ini. Setiap kanak-kanak yang telah dilahirkan di negara ini termasuk kanak-kanak yang kurang upaya dan kelainan upaya juga mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksplorasi dan seterusnya diberi habilitasi, rehabilitasi dan diintegrasikan ke dalam keluarga dan juga masyarakat. Setiap kanak-kanak juga mempunyai hak untuk perkembangan secara holistik dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian.

Pada umumnya, setiap kanak-kanak di negara ini berhak untuk bersuara, menyertai (turut serta) dan melibatkan diri dengan mengambil bahagian mengikut tahap umur dan perkembangan serta mempunyai keupayaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan yang terbaik dan kesejahteraan mereka (UNCRC). Kanak-kanak, ibu bapa, penjaga, komuniti dan masyarakat harus sedar akan hak asasi kanak-kanak yang amat penting untuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan dan



penyelidikan dan pembangunan mengenai kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak yang perlu digalakkan serta dilaksanakan dari semasa ke semasa (UNCRC).

Maka kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan, serta akses yang lebih baik kepada pendidikan tinggi telah memberi kuasa kepada peratusan wanita Malaysia yang lebih besar untuk menyertai tenaga kerja. Kadar penyertaan wanita sebagai tenaga kerja telah naik dari 46.9 peratus pada tahun 2010 kepada 54.1 peratus pada tahun 2015 (Jayaram, 2016). Oleh itu, perlunya penjagaan kanak-kanak telah bertambah seiring dengan peningkatan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh. Ini telah menyebabkan kenaikan permintaan bagi penjagaan bukan orang dari keluarga untuk kanak-kanak. Lebih banyak Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) telah berkembang di seluruh negara untuk menampung keperluan kanak-kanak dan keluarga.

Maka, TASKA Institusi Berdaftar dan kurikulum yang dipakaiguna juga dapat membantu ibu bapa dan pendidik-pendidik mengenal pasti keistimewaan TASKA Institusi Berdaftar dan Kurikulum Asuhan PERMATA. Perkembangan holistik berhubung kait rapat dengan setiap tanggungjawab seorang pendidik sebaiknya penyampai ilmu dan keberkesanan pendidikan yang berkualiti adalah bergantung kepada penglibatan dan dedikasi pendidik yang berjaya mencapai objektif dan matlamat perlaksanaan untuk mendorong kanak-kanak berkembang dan belajar apa-apa yang diajarkan (Burchinal, 2011; Tsao, 2015).





Rumusan kajian ini boleh menyumbang pengkaji-pengkaji yang lain pada masa yang akan datang untuk menganalisis kepentingan kesedaran dan masalah yang perlu diselesaikan untuk meningkatkan pengetahuan yang perkaitan dengan perkembangan holistik dalam kalangan kanak-kanak TASKA Institusi Berdaftar. Di samping itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada ibu bapa dan pendidik untuk menilai dan mengetahui kepentingan perkembangan holistik anak-anak mereka dengan menghantar ke TASKA Institusi Berdaftar. Kajian ini juga memberi pengutamaan untuk memberi panduan kepada para ibu bapa mengenai pengaplikasian Kurikulum Asuhan PERMATA semasa kanak-kanak berada di TASKA Institusi Berdaftar.

1.7 Batasan Kajian



Melalui kajian ibu bapa dapat mengetahui TASKA yang berkualiti dapat kriteria standard pemilihan. Kajian ini juga memfokuskan pengetahuan dan persepsi serta kesedaran tentang pemilihan TASKA bagi 10 orang ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka yang berumur 4 tahun ke TASKA Institusi Berdaftar di Daerah Kinta Utara. Kajian ini adalah untuk mengtahui dan mengenal tahap kesedaran dan pengetahuan serta persepsi demi mengetahui adakah mereka ini mempunyai kesedaran tentang pengetahuan tentang TASKA Institusi Berdaftar yang berkualiti untuk menentukan perkembangan holistik kanak-kanak terjamin.. Jumlah responden yang telah dipilih adalah terhad kerana kajian ini memerlukan masa yang banyak untuk menganalisis teks yang diperolehi melalui temu bual para ibu bapa di sebuah TASKA Institusi berdaftar di Daerah Ulu Kinta. Kajian ini hanya



tertumpu kepada ibu bapa yang telah menghantar anak-anak yang berumur bawah 4 tahun ke TASKA Institusi Berdaftar yang telah dipilih.

Sebenarnya, Kajian ini bersandar sepenuhnya kepada respon, maklum balas dan penjelasan daripada responden iaitu ibu bapa yang ditemu bual. Kajian ini adalah semata-mata untuk meninjau dan menalisis faktor-faktor dan kepentingan menghantar anak-anak ke TASKA Institusi berdaftar untuk memastikan perkembangan holistik dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur 4 tahun. Maka, sampel kajian yang dipilih adalah terbatas kerana kajian memerlukan masa untuk menginterpretasikan data responden. Kaedah yang digunakan untuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Kaedah Hermeneutik merupakan kaedah yang akan digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul melalui temu bual.

Pengkaji berpendapat bahawa kaedah yang digunakan ini adalah salah satu cara yang terbaik untuk menganalisis teks data respon untuk memahami persepsi, matlamat dan maklumat tersirat dalam teks tersebut. Dengan itu, data dapatan kajian yang diperoleh adalah juga bersifat Kualitatif. Kaedah Hermeneutik ini digunakan secara berleluasa dalam pengmenginterpretasian percakapan dan berbincangan. Kaedah Hermeneutik ini juga disarankan untuk mendapat respon yang amat tepat untuk menyelidik tahap perasaan atau pengalaman lama, pemikiran di bawah sedar dan hasrat terhadap sesuatu matlamat (Suppiah Nachiappan, 2003).

Seterusnya, setiap masalah yang dikenal pasti melalui temu bual akan menginterpretasikan untuk mengetahui langkah-langkah untuk mengatasinya. Cadangan juga akan dikemukakan untuk membantu para ibu bapa, malahan warga pendidik TASKA Institusi Berdaftar, terlibat dalam perkembangan holistik di TASKA Institusi Berdaftar



Daerah Ulu Kinta. Oleh kerana sebuah TASKA Institusi Berdaftar sahaja telah dipilih sebagai tempat kajian utama, maka ia juga dikenali sebagai kajian terbatas.

1.8 Definisi Istilah Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa istilah atau ungkapan yang telah diberitahu dan memerlukan penjelasan agar dapat menimbulkan persepsi yang jelas mengenai makna perkataan yang telah digunakan. Penjelasan terhadap makna istilah dan ungkapan adalah berdasarkan kepada tajuk kajian yang dipilih, iaitu:-



1.8.1 Kanak-Kanak 0-4 Tahun

Mengikut Akta, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang dikategorikan di bawah umur 18 tahun (Akta 611) seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak (1995). Dasar Kanak-kanak Negara adalah satu dasar mengenai hak kelangsungan hidup (survival), perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak agar dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif. Dasar Kanak-Kanak Negara adalah bertujuan untuk melahirkan individu yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berjati diri, berdaya saing, progresif dan mempunyai nilai-nilai murni. Definisi kanak-kanak di Malaysia mempunyai perbezaan bergantung kepada Akta dan Peraturan yang





diwujudkan oleh pihak kerajaan. Definisi kanak-kanak di Malaysia adalah selaras dengan definisi yang diberikan oleh *UNICEF (United Nations International children's education fun)*. Dimana dasar perlindungan dan hak kanak-kanak mewujudkan kerjasama dalam usaha perlindungan oleh *UNICEF* yang membantu dalam perkembangan awal kanak-kanak dari umur kecil, perkembangan remaja dan kemahiran hidup beraskan pendidikan (*UNICEF*, 2009).

1.8.2 Ibu bapa dan Pengetahuan

Cara ibu dan bapa memanggil tidak beza daripada setiap kali seseorang mendengarnya.

Setiap pasangan individu yang melahirkan anak akan dipanggil sebagai ibu bapa oleh anak tersebut. Suami isteri yang bakal melahirkan anak juga akan digelar ibu bapa setelah lahirnya zuriat dalam kandungan ibu. Perkataan ibu bapa ini begitu sama maksud dan termashyur di dalam sebuah pembentukan keluarga. Kenangan menjadi seorang ibubapa adalah sesuatu yang membawa kebahagiaan dan kegembiraan dengan bangga rasanya bagi setiap pasangan hidup. Dalam hal yang demikian, sebagai seorang ibu bapa wajib mengenali dan mengetahui tentang pelbagai aspek konsep ibu bapa mengikut kategori agar dapat lebih menyempurnakan tanggungjawab mereka sebagai seorang ibu bapa.

Dalam kajian ini pengkaji memberi fokus kepada pengetahuan dan kesedaran ibu bapa tentang TASKA Institusi Berdaftar. Kesan pengasuhan di TASKA Institusi Berdaftar amat penting dalam perkembangan holistic seseorang kanak-kanak yang patut dititiberatkan. Dalam kajian ini juga pengkajia memberi focus kepada cabaran dan masalah



yang dihadapai oleh ibu bapa semasa memilih TASKA Institusi berdaftar yang berkualiti demi berkembangan holistic anak-anak mereka.

1.8.3 Kurikulum Asuhan PERMATA

Umpama pepatah Melayu yang berbunyi seperti ini, “kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Oleh yang demikian, Kurikulum Asuhan PERMATA diiktirafkan sebagai salah sebuah kurikulum kebangsaan yang boleh dipakai guna di semua TASKA Institusi Berdaftar yang telah berdaftar dan tertakluk dengan objektif Dasar Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (2008), iaitu demi memastikan perkembangan holistik bagi semua kanak-kanak dan sebagai langkah untuk menangani masalah sosial dalam kalangan remaja dan belia. Menurut Kurikulum Asuhan PERMATA, pendidikan awal kanak-kanak merangkumi enam domain perkembangan iaitu perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian, perkembangan bahasa, komuniasi dan literasi, perkembangan matematik dan pemikiran logik, perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran, perkembangan fizikal dan perkembangan kreativiti dan estetika (PERMATA, 2010).

Kurikulum Asuhan PERMATA telah dimurnikan dengan diambil kira tentang semua aspek perkembangan yang tersebut di dalam definisi kajian di atas dan ia adalah berfokus kepada pembinaan kualiti individu kanak-kanak berumur 0-4 tahun. Kurikulum Asuhan PERMATA telah merangka garis panduan kepada pendidik dan pengusaha TASKA Institusi Berdaftar, dan juga memberi fokus kepada Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak bagi meningkatkan kecemerlang potensi kanak-kanak berdasarkan Falsafah

Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum Asuhan PERMATA ini, merangkumi kaedah berinteraksi dengan kanak-kanak, pengalaman pembelajaran yang maksimum, kaedah asuhan secara holistik, panduan merancang aktiviti, skala untuk mentafsirkan perkembangan holistik kanak-kanak dan mengadakan kerjasama erat dengan ibu bapa serta keluarga kanak-kanak dan masyarakat.

1.8.4 TASKA (Taman Asuhan Kanak-Kanak)

Dalam konteks kajian, pengkaji menekankan tentang TASKA Institusi Berdaftar yang berkualiti menjamin perkembangan holistik. Menurut kenyataan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA Institusi Berdaftar), adalah mana-mana premis yang menempatkan empat orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat tahun lebih daripada satu isi rumah diterima masuk untuk dijaga dengan upah (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2001). Dengan wujudnya TASKA Institusi berdaftar, perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan kepada warga bandar, luar bandar dan pinggir bandar yang dikegorikan sebagai golongan berpendapatan rendah dan kurang kemampuan dapat diberikan dengan sempurna. Perkhidmatan TASKA Institusi Berdaftar juga dibawah Program Kesejahteraan Rakyat (PKR) atau Program Pembangunan Rakyat Termiskin PPTR), Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tujuannya adalah untuk memberi peluang kepada ibu-ibu bergiat menceburi diri dalam bidang ekonomi demi meningkatkan taraf hidup keluarga masing-masing.



Di Malaysia, kanak-kanak berumur empat tahun dan ke bawah seperti termaktub di dalam Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984. Perkhidmatan yang diberi oleh pekerja TASKA Institusi Berdaftar adalah untuk warga ibu bapa berkerja dan juga pihak-pihak yang terlibat dalam aspek asuhan dan didikan kanak-kanak. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasa Akta dan Peraturan bagi menjamin mutu asuhan dan didikan kanak-kanak di TASKA Institusi Berdaftar dipelihara. Sungguhpun begitu, JKMM juga menggalakkan amalan asuhan kanak-kanak yang boleh memberi tumpuan kepada perkembangan holistik seorang kanak-kanak (JKMM, 1990).

1.8.5 Kaedah Hermeneutik




Kaedah Hermeneutik merupakan pendekatan yang mengutamakan interpretasi kualitatif dan menunjukkan maksud (*lumensa*) yang tersirat dalam sesebuah teks yang ditulis atau melalui bercakapan. Kaedah Hermeneutik juga dikenali senagai pendekatan Interpretasi, iaitu percubaan yang dilakukan untuk mengetahui maksud senagai teks transkrip. Interpretasi adalah maksud yang diterangkan oleh teks yang dapat disalurkan dengan proses ontopretasi, iaitu pergerakan daripada struktur luaran ke struktur dalaman untuk mencari makna yang tersirat dalam teks tersebut (Loganathan, 1994a; Suppiah, 2003). Dalam kajian Kaedah Hermeneutik ini elemen menjangka horizontnya adalah yang lebih jauh daripada teori interpretasi dan biasa tiada siapa yang boleh menyangkal Kaedah Hermeneutik ini boleh membantu untuk memahami apa yang tersurat dan juga yang tersirat



di dalam sesebuah teks dapatan kajian. Kaedah Hermeneutik adalah satu bentuk kajian saintifik.

Menurut kajian pengkaji, kajian yang berbentuk deskritif yang menggunakan analisis Hermeneutik seperti yang diterangkan dalam perangan di atas. kajian ini berkait rapat tentang pengetahuan dan persepsi ibu bapa yang berkaitan dengan psikologi tingkah laku manusia. Maka kaedah kualitatif adalah amat bersesuaian. Kaedah Hermeneutik didalam kajian ini adalah untuk melakukan proses menginterpretasikan teks yang diperolehi daripada temu bual ibu bapa yang dikategorikan sebagai sumber data.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual



1.9 Rumusan

Dalam bab ini, subtopik-subtopik seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan soalan kajian telah dibincang dengan jelas. Bab ini juga menerangkan tentang kepentingan kajian yang akan dilakukan, batasan kajian dan definisi istilah kajian seperti kanak-kanak 0-4 tahun, ibu bapa dan pengetahuan, Kurikulum Asuhan PERMATA, TASKA (Taman Asuhan Kanak-kanak) serta Kaedah Hermeneutik juga diterangkan dalam bab ini agar lebih mudah difahami tujuan kajian dijalankan. Kerangka konsep dan rumusan bagi memperincikan pemahaman secara dasar tentang penyelidikan yang akan dijalankan.

